

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | SEPAK TAKRAW Pemain negara lepas geram Terbuka MBJBT | | |
| Date | 02. Apr 2008 | Language | MALAY |
| Media Title | Utusan Malaysia | Page No | 31 |
| Section | Sukan | Article Size | 235 cm² |
| Circulation | 238082 | Frequency | Daily |
| Readership | 833287 | Color | Full Color |



SEPAK TAKRAW

Pemain negara lepas geram Terbuka MBJBT

KUALA LUMPUR - Kelengahan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) menetapkan tarikh kejohanan utama kebangsaan memaksa ramai pemain negara cuma mampu mengegasah kejaguhan mereka di peringkat kecil dan bawahannya khususnya pada Terbuka Majlis Bandar Raya Johor Bahru Tengah (MBJBT), Ahad lalu, *lapor* **ABDUL HAFIZ AHMAD**.

Dengan tarikh Kejohanan Kebangsaan Piala Emas Khir Johari ke-45 yang sudah dua kali tertunda dan terus menimbulkan tanda tanya sehingga kini, sebilangan besar pemain negara nekad membantiri Terbuka MBJBT untuk melepaskan 'geram' mereka dalam kejohanan dua hari itu.

Antara mereka ialah pelibas utama negara, Azlan Mubin dan pengumpulan, Syafiq Ab. Rahman selain bekas pemain kebangsaan, Saufi Salleh dengan mewakili regu Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya menjadi juara pada perlawanan akhir di Dewan MBJBT, Johor Bahru.

Turut beraksi ialah bekas pelibas dan telukung regu wanita Sukma, SKA Filipina 2005, Futra Ghani dan Normanizam Ahmad yang masing-masing kembali beraksi di bawah regu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) C dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) A.

PSM yang khabarnya cuma mampu membentangkan aktivitiinya sepanjang 2008 dengan Majlis Sukan Negara (MSN) kelmarin, turut belum dapat menetapkan tarikh Kejohanan Belia Kebangsaan yang dikatakan hampir dengan Sukan Malaysia (Sukma) Ke-12 di Terengganu, akhir Mei ini.

Lalu tidak hairanlah beberapa negeri turut menghantar beberapa regunya ke Terbuka MBJBT sebagai gelanggang pemanas badan menjelang Sukma termasuk Kedah yang cuba mempertahankan pingat emas acara berpasukan daripada temasya 2006.


Skuad Sukma Kedah atau 'Anak Badang' yang dibimbangi oleh Muhamad Asri Jalil, menghantar tiga regu bawah 21 tahun itu dan sempat menimba pendedahan perlawanan sebenar bertaraf lebih tinggi biarpun ketiga-tiganya, A, B dan C sekadar sampai ke suku akhir dan pusingan kedua.

Kata Asri: "Kedah A (Nazirul Ikram Rozali, Syamsul Asyraf Rosli dan Azizan Asmi) menjuarai Kumpulan C yang turut dianggotai MPSJ E' dan Putra Penawar sebelum terkandas pada suku akhir sementara Kedah B menjuarai Kumpulan B tetapi disekat Majlis Sukan Wilayah Persekutuan A 21-18, 12-21, 12-15.

"Kedah C yang menjuarai Kumpulan Q dengan menewaskan Nusa Jaya dan Majlis Sukan Pahang A, turut ke pusingan kedua sebelum ditewaskan PKINK A yang membarriskan Normanizam, 11-21, 10-21," katanya yang turut akan membimbangi skuad wanita Kedah ke Sukma yang menawarkan satu pingat emas antara regu.

Selaku juara Terbuka MBJBT, UPM meraih ganjaran RM3,000 manakala Global Globe Kuala Lumpur muncul naib juara sementara dua pasukan yang kalah pada separuh akhir, MPSJ C dan PKINK A masing-masing berkongsi tempat ketiga.

Headline **SEPAK TAKRAW Pemain negara lepas geram Terbuka MBJBT**
Date **02. Apr 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**



BEKAS tekong Malaysia, Normanizam Ahmad antara bintang sepak takraw yang membanjiri dan menguasai Terbuka MBJBT, baru-baru ini.